

01 MAR 2001

Mahathir-Colombia

MALAYSIA AKAN BANTU COLOMBIA BANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia menyatakan kesediaannya untuk membantu Colombia melaksanakan program pembangunan sosio-ekonominya termasuk berkongsi kepakaran dalam sektor pertanian.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan perkara itu kepada Presiden Colombia Andres Pastrana Arango yang sedang mengadakan lawatan ke negara ini.

Perdana Menteri mengunjungi Pastrana di bilik hotelnya di sini hari ini dan mengadakan perbincangan selama 45 minit, menurut Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Semasa memberi taklimat kepada pemberita, Syed Hamid berkata Pastrana memberitahu Dr Mahathir bahawa Colombia mahu belajar daripada program pembangunan sosio-ekonomi Malaysia.

"Mereka mahu keluar daripada keadaan rakyat sekarang yang suka menanam kokain. Mereka mahu mencari tanamam pilihan, mereka mahu mengkaji cara perladangan kelapa sawit dan rancangan pembangunan tanah yang kita ada sebagai satu cara membasmi kemiskinan," katanya.

Colombia, yang musnah disebabkan peperangan antara pemberontak haluan kiri dengan kumpulan separa tentera sayap kanan yang diharamkan, dilaporkan mengeluarkan kira-kira 500 tan kokain setiap tahun.

Pastrana, yang tiba hari ini dengan 62 anggota rombongan bagi lawatan negara selama empat hari, dijadual melawat ibu pejabat Felde di sini untuk mendengar taklimat mengenai fungsi agensi itu dan pelaksanaannya.

Syed Hamid berkata Colombia turut berminat untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam menghapuskan pemberontakan komunis.

Pastrana mempelawa sektor swasta Malaysia supaya menyertai pembangunan republik itu berdasarkan persamaan kedua-dua negara dari segi cuaca dan kesesuaian tanah, kata Syed Hamid.

Dr Mahathir memberi jawapan bahawa sektor swasta Malaysia akan berminat jika Colombia dapat memberi jaminan kawalan dan keselamatan, kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

AFY HS ES RYN RON